



KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI

Western Digital Sdn Bhd, syarikat pengeluar peralatan storan digital terkemuka memutuskan untuk menambah pelaburan RM2.3 bilion bagi meningkatkan kemudahan dan kapasiti pengeluaran syarikat itu di Malaysia.

Perkara itu dipersetujui semasa pertemuan antara YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan Pengerusi Kumpulan Operasi Western Digital Malaysia, Datuk Dr Syed Hussian Aljunid, hari ini.

Ini menjadikan nilai keseluruhan pelaburan Western Digital di Malaysia adalah berjumlah hampir RM18 bilion.

Pelaburan baharu itu akan diperuntukkan untuk memperluaskan fasiliti dan kapasiti kilang di Western Digital Media Pulau Pinang dan Western Digital Sarawak. Nilai eksport syarikat itu dari Malaysia adalah berjumlah RM18 bilion pada 2019.

Pelaburan tambahan ini akan memberi manfaat ekonomi kepada negara selain membuka peluang pekerjaan kepada lebih 2,000 penduduk tempatan.

YAB Perdana Menteri amat berbesar hati dengan pelaburan tambahan oleh Western Digital. Ini membuktikan keupayaan Kerajaan dalam mengurus ekonomi dan keyakinan pelabur terhadap pentadbiran dan kestabilan negara ketika dunia masih berdepan pandemik COVID-19.

YAB Perdana Menteri amat mengalu-alukan mana-mana syarikat untuk melabur di dalam industri berimpak tinggi dan berteraskan teknologi di negara ini.

Kerajaan melalui Kementarian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan agensi-agensi berkaitan yang lain sentiasa komited dalam menarik pelaburan dan meyakinkan pelabur untuk melabur atau membuat pelaburan tambahan di Malaysia.

Komitmen Kumpulan Western Digital ini mencerminkan keyakinan tinggi pelabur dari luar negara kepada Kerajaan untuk terus mengembangkan pelaburan dan operasi mereka di Malaysia.

PEJABAT PERDANA MENTERI

5 NOV 2020